

Perbezaan Budaya

Nurzaira Azreena Bt. Rahamat

Dalam teori sosiologi terdapat dua jenis budaya iaitu yang bersifat individualistik dan juga kolektivistik. Budaya individualistik menekankan kepada *private self* (atribut dalaman dan keterasingan) manakala budaya kolektivistik pula menekankan kepada aspek diri yang kolektif dan terbuka (*public*) iaitu saling bergantung dan saling berhubung dengan orang lain (Traindis 1989).

Diri yang bebas	Diri yang bergantung
terasing daripada konteks sosial	terhubung dengan konteks sosial
terbatas, unitari dan stabil	fleksibel dan boleh berubah
bersifat dalaman dan tersembunyi (perasaan, pemikiran)	bersifat luaran dan terbuka (peranan, status, perhubungan)
tanggungjawab hidup: menjadi unik, eksresi diri, kesempurnaan diri	tanggungjawab hidup: menganggotai, menyesuaikan diri, melibatkan diri dengan perlakuan yang sesuai, membantu orang lain mencapai matlamat
komunikasi yang berterus-terang	komunikasi yang tidak berterus-terang
estim sendiri bergantung kepada kebolehan untuk mengekspresi diri dan mensahihkan atribut dalaman	estim sendiri bergantung kepada kebolehan untuk mengubah, mengekalkan keharmonian dan kekangan diri

Jadual 1: Perbezaan Individu Dalam Budaya Individualisme Dan Kolektivisme

Markus dan Kitayama (1991) pula mendefinisikan individualistik sebagai tafsiran diri yang bebas/tidak bergantung (*independence*). Tafsiran diri yang bebas ini merujuk kepada penilaian diri sebagai entiti yang terbatas dan terasing daripada individu lain. Individu itu hanya akan memfokuskan kepada atribut dalaman yang personal seperti kebolehan diri, kecerdasan, ciri personaliti, matlamat atau keutamaan dirinya serta akan mengekspresinya secara terbuka dan memastikannya secara bersendirian melalui perbandingan sosial.

Kolektivistik iaitu tafsiran diri sebagai individu yang saling bergantung kepada orang lain pula merujuk diri adalah entiti yang tidak terbatas, fleksibel dan kontingen kepada konteks. Fokusnya adalah kepada status kebergantungan kepada orang lain serta berusaha untuk menjalankan tanggungjawab dan kewajipan sosial.

Perbezaan budaya ini dikatakan akan mempengaruhi cara berfikir seseorang dan cara ia menilai dirinya (Brown, 1998). Sifat individualistik akan menyebabkan seseorang itu mempunyai perasaan ingin menjadi lebih superior daripada orang lain. Ini dapat membuatkan tahap estimasi diri seseorang itu meningkat (Twenge dan Crocker, 2002).

Kolektivisme pula membuatkan individu dalam kumpulan budaya tersebut rasa lebih terikat dan saling bergantung dengan ahli-ahli yang lain. Kecenderungan untuk menjadi lebih superior itu hampir tidak wujud di mana keharmonian dalam hubungan sosial lebih dititikberatkan. Budaya masyarakat yang lebih menekankan kepada kolektivisme juga lazimnya lebih merendahkan diri; sikap yang boleh menyumbang kepada estimasi diri yang rendah (Tafarodi dan Swan, 1996).

Oyserman *et.al* (2002) pula mendapati perbezaan sikap individualistik berkorelasi dengan perbezaan tahap estimasi diri seseorang manakala kolektivisme pula korelasinya tidak begitu konsisten dengan estimasi diri yang rendah. Analisis yang dibuat oleh Oyserman dan rakan-rakannya juga mendapati orang kulit putih mempunyai sikap individualistik yang lebih rendah berbanding orang kulit hitam manakala sikap kolektivistik pula tidak banyak berbeza antara keduanya. Oleh sebab budaya individualisme berkaitan dengan estimasi diri yang tinggi maka faktor ini merupakan salah satu punca yang menyebabkan orang kulit hitam memiliki estimasi diri yang lebih tinggi berbanding orang kulit putih.

Menurut Twenge dan Crocker (2002), berbanding faktor lain seperti stigma dan identiti ras/etnik, penggunaan perbezaan budaya sebagai pemboleh ubah menunjukkan hasil yang lebih konsisten dalam menghubungkan status ras/etnik dengan konsep diri (apabila pemboleh ubah ini digunakan ke atas kaum minoriti yang lain selain orang kulit hitam).